A

PP lwn. SNE MARKETING SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NORDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO WPRJ: 41LB-40-05-2015]
25 FEBRUARI 2016

B

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan – Kegagalan mendakwa dalam tempoh yang ditetapkan – Akta Jualan Dadah 1952, s. 18(4) – Sama ada pendakwaan mesti dibuat dalam tempoh 60 hari menurut s. 18(4) – Sama ada s. 18(4) terpakai bagi barang yang dirampas penguatkuasa – Sama ada barang rampasan termasuk dalam kategori 'procured'*

C

PERKATAAN & ISTILAH: *'procured' – Akta Jualan Dadah 1952 – Seksyen 18(4) – Maksud – Sama ada barang yang dirampas penguatkuasa termasuk dalam kategori 'procured' – Niat Parlimen*

D

Ini adalah rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Majistret melepaskan dan membebaskan responden terhadap dua pertuduhan di bawah Peraturan 7A Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 ('Peraturan 1984') yang merupakan kesalahan di bawah Peraturan 30(1) Peraturan 1984 dan boleh dihukum di bawah s. 12(2) Akta Jualan Dadah

E

1952 ('Akta'). Alasan Majistret bagi pelepasan dan pembebasan responden adalah atas kegagalan pihak pendakwaan membuat pendakwaan terhadap responden dalam tempoh 60 hari menurut s. 18(4) Akta dan bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap responden tidak berasas dan mengguna pakai s. 173(g) Kanun Tatacara Jenayah. Isu utama bagi pertimbangan

F

mahkamah dalam kes ini adalah berkaitan dengan pemakaian s. 18(4) Akta. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa s. 18(4) Akta tidak terpakai dalam kes ini kerana perkataan 'procured' dalam seksyen ini tidak termasuk barang-barang yang dirampas oleh pihak penguatkuasa.

Diputuskan (menolak rayuan):

G

(1) Melihat Akta secara keseluruhannya, barang-barang yang dirampas termasuk di bawah kategori 'procured' di bawah s. 18(4). Walaupun perkataan 'procured' tidak didefinisikan dalam Akta, maksud dalam kamus adalah luas termasuk 'memperoleh'. Oleh itu, apa-apa barang rampasan yang dibuat adalah barang-barang yang telah diperoleh oleh

H

pihak penguatkuasa undang-undang dan tertakluk pada s. 18(4) Akta. (perenggan 20, 21 & 25)

(2) Seksyen 18(4) Akta adalah di bawah bahagian 'Legal Proceeding and Evidence' dan di bawah tajuk 'Proceeding for Offence'. Tiada bahagian lain bagi apa-apa prosiding bagi kesalahan di bawah Akta dan oleh

I

itu, sebarang prosiding bagi kesalahan berdasarkan barang-barang yang dirampas hanya dapat dilaksanakan di bawah s. 18(4) Akta. (perenggan 26)

(3) Niat Parlimen adalah jelas bahawa sebarang pendakwaan di bawah s. 18(4) Akta hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari. Fakta jelas bahawa barang-barang kes dirampas daripada responden melebihi tempoh masa 60 hari yang ditetapkan oleh Parlimen di bawah s. 18(4) Akta. Keputusan Majistret oleh itu adalah betul dan dikekalkan. (perenggan 27-30)

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Sihabduin Hj Salleh & Anor [1981] CLJ 39; [1981] CLJ (Rep) 82 FC ***(dirujuk)***
The Attorney General of Canada v. Hallet & Carey Ltd [1952] AC 427 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, regs. 7A, 30(1)
Criminal Procedure Code, s. 173(g)
Sale of Drugs Act 1952, ss. 4(1), (2), 7(1), 8(3), 12(2), 18(4)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Bennion On Statutory Interpretation, 5th edn, ms 470

Bagi pihak perayu - Nabilah Ahmad Po'ad; TPR
Bagi pihak responden - Muhammad Syazwan Mohd Salleh & Nik Mohamed Ikhwan Nik Mohamud; T/n Wan Sholehah

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan pihak pendakwaan terhadap keputusan Majistret melepaskan dan membebaskan responden iaitu orang kena saman (OKS) terhadap dua pertuduhan di bawah Peraturan 7A, Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 yang merupakan kesalahan di bawah Peraturan 30(1) Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah s. 12(2) Akta Jualan Dadah 1952.

[2] Bagi memudahkan rujukan, kedua-dua pertuduhan terhadap OKS adalah seperti berikut:

(i) Pertuduhan pertama

> Bahawa kamu pada 1.8.2013 lebih kurang jam 11.05 pagi bertempat di SNE Marketing Sdn Bhd (237161-U) di alamat Unit 38-5-4, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memiliki ubat tradisional iaitu Vital + Essence sebanyak 200 kotak x 10 kapsul yang mengandungi Aminotadalafil (analog Tadalafil) iaitu sejenis racun mengikut pengertian Akta Racun 1952 (Akta 366) seperti yang dinyatakan dalam Daftar II

kepada Jadual. Oleh yang demikian, kamu telah melanggar Peraturan 7A Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan telah melakukan satu kesalahan di bawah Peraturan 30(1) Peraturan-Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952.

(ii) Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 1.8.2013 lebih kurang jam 11.05 pagi bertempat di SNE Marketing Sdn. Bhd (237161-U) di alamat Unit 38-5-4, Shamelin Business Centre, No. 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memiliki ubat tradisional iaitu Vital + Essence sebanyak 2497 kotak x 10 kapsul yang mengandungi Aminotadalafil (analog Tadalafil) iaitu sejenis racun mengikut pengertian Akta Racun 1952 (Akta 366) seperti yang dinyatakan dalam Daftar II kepada Jadual. Oleh yang demikian, kamu telah melanggar Peraturan 7A Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan telah melakukan satu kesalahan di bawah Peraturan 30(1) Peraturan-Peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(2) Akta Jualan Dadah 1952.

[3] Majistret dalam kes ini telah melepaskan dan membebaskan OKS kerana kegagalan pihak pendakwaan membuat pendakwaan terhadap OKS dalam tempoh masa 60 hari menurut s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952. Majistret mendapati pertuduhan-pertuduhan terhadap OKS adalah tidak berasas dan mengguna pakai s. 173(g) Kanun Tatacara Jenayah.

Hujah Pihak Pendakwaan

[4] Pihak pendakwaan berhujah bahawa s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952 yang menetapkan bahawa sebarang prosiding hendaklah diambil dalam masa 60 hari adalah tidak terpakai dalam kes ini. Ini dihujahkan adalah kerana perkataan 'procured' dalam s. 18(4) ini adalah tidak termasuk bagi barang-barang yang dirampas oleh pihak penguatkuasa.

Hujah Pihak OKS

[5] Pihak OKS pula berpendirian bahawa perkataan 'procured' mempunyai maksud yang luas dan termasuk apa-apa barang yang dirampas oleh pihak penguatkuasa. Oleh itu peruntukan s. 18(4) tersebut adalah terpakai dalam kes ini.

Keputusan Mahkamah

[6] Dalam kes ini isu utama untuk pertimbangan mahkamah ini adalah berhubung pemakaian s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952. Seksyen ini apabila diteliti adalah di bawah bahagian 'Legal Proceedings And Evidence' Akta berkenaan dan penting untuk dizahirkan keseluruhan s. 18 ini di sini iaitu seperti berikut:

LEGAL PROCEEDING AND EVIDENCE

Proceedings for offences

18. (1) All proceedings in respect of an offence against this Act shall be taken in a summary manner before a Sessions Court of the Court of a First Class Magistrate.

(2) The summons in any such proceedings shall not be made returnable in less than fourteen days from the day on which it is served.

(3) There shall be served with the summons a copy of the analyst's certificate, if any, on which the prosecution is based.

(4) When any article of drug has been purchased or procured from any person for test purposes, no proceedings in respect of the sale thereof or of any offence against this Act shall be instituted after the expiration of sixty days from the time of purchasing or procuring the same.

[7] Prinsip undang-undang mantap adalah bahawa apabila sesuatu undang-undang itu adalah terang dan jelas, maka menjadi tanggungjawab mahkamah untuk memberi kesan kepada pemakaian undang-undang tersebut tanpa perlu interpretasi lain yang berbeza. Apa yang penting adalah melaksanakan apa yang diniatkan oleh penggubal undang-undang iaitu Parlimen. Dalam kes *Public Prosecutor v. Sihabduin Hj Salleh & Anor* [1981] CLJ 39; [1981] CLJ (Rep) 82; [1980] 2 MLJ 273, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> Thirdly, if the law-maker so amends the law, to paraphrase the words of Lord Diplock at page 541 in *Duport Steels Ltd v. Sirs*, the role of the judiciary is confined to ascertaining from the words that the law-maker has approved as expressing its intention what that intention was, and to giving effect to it. Where the meaning of the words is plain and unambiguous it is not for judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral; or to paraphrase the words of Lord Scarman at page 551 in the same case, in the field of statute law the judges must be obedient to the will of the law-maker as expressed in its enactments, the judge has power of choice where differing constructions are possible, but he must choose the construction which in his judgment best meets the legislative purpose of the enactment. Even if the result be unjust but inevitable, he must not deny the statute; unpalatable statute law may not be disregarded or rejected, simply because it is unpalatable; the judge's duty is to interpret and apply it.

[8] Lord Radcliffe dalam kes *The Attorney General of Canada v. Hallet & Carey Ltd* [1952] AC 427 juga menjelaskan bahawa pertimbangan utama dalam mentafsirkan sesuatu statut itu adalah niat penggubal undang-undang seperti dinyatakan berikut:

A

> There are many so-called rules of construction that courts of law have resorted to in their interpretation of statutes but the paramount rule remains that every statute is to be expounded according to its manifest and expressed intention.

[9] Dalam buku '*Bennion On Statutory Interpretation* 5th edn' di ms. 470,
B ada dihuraikan tanggungjawab mahkamah iaitu untuk menentukan niat Parlimen dalam mentafsirkan sesuatu statut iaitu seperti berikut:

> What the legislator intends by the words used ideally passes directly to the reader's brain by intuition, defined as 'by immediate perception or direct mental apprehension; without the aid of intermediate ideas'. Thus
C Evans-Lombe J rejected a construction suggested by counsel on the ground that it was 'counter-intuitive'. Sedley LJ relied relied on a different part of the anatomy when he confessed to a 'visceral unease' as to the suggested meaning of an enactment. Lord Nicholls of Birken-head said:
>
> > Statutory interpretation is an exercise which requires the court to identify the meaning borne by the words in question in the
> D particular context. The task of the court is often said to be to ascertain the intention of Parliament expressed in the language under consideration. This is correct and may be helpful so long as it is remembered that the 'intention of Parliament is an objective concept, not subjective. The phrase is a shorthand reference to the
> E intention which the court reasonably imputes to Parliament in respect of the language used. It is not the subjective intention of the minister or other persons who promoted the legislation. Nor is it the subjective intention of the draftsman, or of individual members or even a majority of individual members of either House. These individuals will often have widely varying
> F intentions. Their understanding of the legislation and of the words used may be impressively complete or woefully inadequate. Thus, when the courts say that such-and-such a meaning 'cannot be what Parliament intended', they are saying only that the words under consideration cannot reasonably be taken as used by Parliament with that meaning.

G

[10] Begitu juga dalam kes ini, penelitian kepada niat Parlimen menggubal peruntukan s. 18(4) ini dapat menentukan maksud peruntukan s. 18(4) dan secara khususnya pemakaian perkataan 'procured' dalam seksyen berkenaan.

[11] Bagi pemahaman yang menyeluruh berhubung pemakaian s. 18(4) ini,
H penelitian terhadap latar belakang peruntukan ini amat membantu. Pertamanya Akta Jualan Dadah 1952 ini pada asalnya dikenali sebagai Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952. Dalam undang-undang asal ini mempunyai peruntukan yang hampir serupa dengan s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952 iaitu s. 20(4) seperti berikut:

I

LEGAL PROCEEDINGS AND EVIDENCE

20. (1) All proceedings in respect of an offence against this Ordinance shall be taken in a summary manner before a Sessions Court or the Court of a First Class Magistrate.

(2) The summons in any such proceedings shall not be made returnable in less than fourteen days from the day on which it is served.

(3) There shall be served with the summons a copy of the analyst's certificate (if any) on which the prosecution is based.

(4) When any article of food or drug has been purchased or procured from any person for test purposes, no proceedings in respect of the sale thereof or of any offence against this Ordinance shall be instituted after the expiration of twenty eight days, from the time of purchasing or procuring the same.

[12] Perbezaannya, pada asalnya masa yang diperuntukkan untuk sebarang prosiding adalah hanya 28 hari sahaja dan kemudiannya telah dipinda kepada 60 hari.

[13] Semasa perbincangan rang undang-undang Jualan Makanan dan Dadah 1932, jelas dilihat niat Parlimen berhubung pemakaian s. 20 adalah bagi menetapkan tempoh masa untuk sebarang pendakwaan dibuat.

[14] Dalam 'Proceedings of The Federal Council of The Federated Malay States 1932' yang membincangkan Ordinan ini, dapat dilihat niat penggubal undang-undang seperti dizahirkan di bawah ini:

SALE OF FOOD AND DRUGS BILL, 1932

READING

The Legal Adviser: Sir, I have explained in the Objects and Reasons to this Bill how the discrepancies in our Enactment and the Colonial Ordinance arose. It did not, as a matter of fact, occasion much inconvenience until last year, when the Colony wanted to prohibit the use of face powder as cosmetic. Certain kinds contain a dangerous kind of lead, and we discovered that the particular clause in the rule-making section under which they were acting had been omitted from our Enactment. Enactment 26 of 1931 was passed to meet this. As a result of that, and also in connection with the revised edition, the Ordinance and the Enactment were carefully compared and some other discrepancies were noted. As the Medical Service is responsible for the administration of the Enactment and we have a Malayan Medical Service, it seems one of those cases in which identity in law is highly desirable. Accordingly, this Bill has been drafted to follow, as closely as possible, the Colonial Ordinance.

To go through it very briefly -

In clause 2 under the definition of 'food' as it stands now, water is not a food. Well, the result of that is that we cannot control ice factories.

A Therefore the exception, which formerly stood 'does not include drugs or water' has been amended by the omission of the words 'or water'.

Clause 3, 4 and 5 are the same as the existing law.

Clause 6 is new. I do not know why it was left out of the law but there is nothing corresponding to it at all in the existing law.

B

Clause 7, 8 and 9 are the same as now.

Clause 10 is substantially the same, but the drafting has been considerably shortened. And the same applies to clause 11. The next three clauses are the same except for the correction of a couple of misprints; and there is no change in the law until clause 20.

C

Clause 20, sub-clause (iii), prescribes a time-limit which prosecutions must be brought.

[15] Peruntukan s. 20(iii) dalam rang undang-undang Jualan Makanan dan Dadah tahun 1932 ini kemudiannya menjadi peruntukan s. 20(4) Ordinan
D Jualan Makanan dan Dadah 1952.

[16] Seterusnya ketika perbahasan untuk pindaan undang-undang ini dibuat iaitu bagi menambah tempoh masa untuk mengambil tindakan di bawah s. 20(4) ini dari 28 hari kepada 60 hari, jelas menunjukkan tempoh 60 hari tersebut adalah tempoh masa untuk tindakan diambil terhadap mereka yang
E melakukan kesalahan di bawah undang-undang berkenaan.

[17] Dalam 'penyata rasmi' Parlimen bertarikh 25 Mei 1972 (Hansard) dinyatakan seperti berikut:

Bahagian kedua Rang Undang² ini adalah mengenai seksyen 20 Ordinan
F Penjualan Makanan dan Dadah² 1952 bersabit dengan tindakan terhadap mereka² yang melanggar undang² ini. Dalam bahagian ini, tiada tindakan boleh diambil terhadap mereka² yang melanggar Ordinan ini sa-lepas tamat-nya 28 hari dari pada masa pembelian makanan dan dadah² itu. jangka masa ini didapati terlalu singkat di-atas sebab² tertentu dan selalu-nya tindakan tidak dapat di-jalankan dalam jangka masa yang demikian,
G kerana contoh² tersebut mesti di-uji terlebeh dahulu. Oleh itu adalah di-dapati perlu sekarang untuk di-lanjutkan tempoh itu kepada 60 hari untuk memberikan masa yang cukup bagi Kementerian ini mengambil sebarang tindakan yang perlu ke atas mereka yang melakukan kesalahan ini.

H **[18]** Berdasarkan penjelasan di Parlimen mengenai s. 20 ini, khususnya s. 20(4) adalah jelas niat Parlimen yang menghendaki pendakwaan kesalahan di bawah undang-undang ini dibuat dalam tempoh 60 hari.

[19] Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 ini kemudiannya digantikan dengan Akta Jualan Dadah 1952. Peruntukan s. 18(4) Akta ini
I adalah serupa dengan s. 20(4) Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 kecuali perkataan 'food' di bawah seksyen ini telah digugurkan. Perkataan 'procured' masih digunakan di dalam s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952.

[20] Perkataan 'procured' ini tidak didefinisikan di dalam Akta ini tetapi maksud 'procured' dalam kamus adalah luas termasuk 'memperoleh'. Oleh itu apa-apa barang rampasan yang dibuat adalah barang-barang yang telah diperolehi oleh pihak penguatkuasa undang-undang dan tertakluk kepada s. 18(4) ini.

[21] Di samping itu, jika dilihat Akta ini secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa barang-barang yang dirampas adalah termasuk di bawah kategori 'procured' di bawah s. 18(4) Akta ini.

[22] Pertamanya, s. 4(1) Akta ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai atau inspektor untuk masuk ke premis dan membuat pemeriksaan. Seterusnya s. 4(2) memberi kuasa untuk mana-mana pegawai merampas apa-apa dadah di premis berkenaan. Peruntukan-peruntukan berkenaan adalah seperti berikut:

> Power of officers and inspectors to enter, etc.
>
> 4.(1) Any officer or inspector may -
>
> (a) at all reasonable times enter into and inspect any place where he has reason to believe that there is any drug intended for sale;
>
> (b) mark, seal, or otherwise secure, weigh, count or measure any drug, the sale, preparation, or manufacture of which is or appears to be contrary to this Act;
>
> (c) inspect any drug, wherever found, which he has reasonable ground for believing to be intended for sale.
>
> (2) Any officer may -
>
> (a) seize any drug, wherever found, which is, or appears to be, unwholesome or deleterious to health;
>
> (b) destroy any drug, wherever found, which is decayed or putrefied.

[23] Seterusnya perkataan 'procuring' oleh pegawai atau inspektor digunakan di bawah s. 7(1) seperti berikut:

> 7. (1) Where it is intended to submit any sample for analysis, the officer or inspector purchasing or otherwise procuring it shall, before or forthwith after procuring it, inform the seller or his agent selling the article that he intends to have the same analysed by an analyst.

[24] Di bawah s. 8(3) juga perkataan 'procured' digunakan iaitu seperti berikut:

> Seksyen 8
>
> (3) A copy of the result of any analysis of any drug procured by an officer or inspector may be obtained from the analyst by the person from whom the article so analysed was purchase or obtained on payment of such fee as may be prescribed.

[25] Oleh itu, berdasarkan penelitian peruntukan-peruntukan yang dinyatakan iaitu s. 4(1) dan (2), s. 7(1) dan s. 8(3) dan dibaca bersama s. 18(4) Akta yang sama, kesimpulan yang dapat dibuat adalah barang-barang yang dirampas oleh pegawai di bawah s. 4(2) adalah termasuk dalam kategori 'procured' di bawah s. 18(4).

[26] Selain itu juga, s. 18(4) adalah di bawah bahagian 'Legal Proceeding and Evidence' dan di bawah tajuk 'Proceeding for Offences'. Tiada bahagian lain Akta ini bagi apa-apa prosiding kesalahan di bawah Akta ini. Oleh itu, sebarang prosiding bagi kesalahan berdasarkan barang-barang yang dirampas hanya dapat dilaksanakan di bawah s. 18(4) ini.

Kesimpulan

[27] Berdasarkan huraian di atas adalah jelas niat Parlimen untuk sebarang pendakwaan di bawah Akta ini seperti dinyatakan di bawah s. 18(4) hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari.

[28] Penelitian kepada s. 18(4) dan peruntukan-peruntukan lain seperti dinyatakan terdahulu juga menunjukkan bahawa barang-barang yang dirampas adalah termasuk di bawah perkataan 'procured' di bawah s. 18(4) ini.

[29] Seterusnya memandangkan fakta bahawa barang-barang kes ini dirampas dari OKS pada 1 Ogos 2013 maka pendakwaan yang dibuat pada bulan Julai 2014 terhadap OKS adalah melebihi tempoh masa 60 hari yang ditetapkan oleh Parlimen di bawah s. 18(4) Akta Jualan Dadah 1952.

[30] Oleh itu juga, keputusan Majistret melepaskan dan membebaskan OKS adalah betul dan dikekalkan.

[31] Rayuan Pendakwa Raya adalah ditolak.